

- Arahan :**
1. Apabila guru telah memberikan isyarat untuk membuat lawatan, murid secara berkumpulan bergerak untuk melihat hasil perbincangan atau hasil kerja kumpulan lain.
  2. Murid dibahagikan kepada empat orang dalam satu kumpulan.
  3. Hasil setiap kumpulan akan ditampal di atas meja atau pada dinding untuk dilihat oleh kumpulan lain atau membacanya.
  4. Setiap kumpulan hendaklah meletakkan pensil atau kertas di atas meja supaya pasukan yang datang melawat boleh memberikan komen atau pengukuhan berkaitan hasil kerja mereka.
  5. Ahli kumpulan juga diarahkan oleh guru untuk berpecah sementara waktu untuk melihat hasil kerja di stesen lain pula.
  6. Setelah kembali semula kepada pasukan asal, ceritakan atau laporkan pembelajaran atau pengalaman yang diperolehi kepada ahli kumpulan.

SP 2.5 TP 6

Guru perlu membahagikan topik di bawah kepada setiap kumpulan. Murid perlu menghasilkan peta minda secara kreatif di atas kertas mahjong berdasarkan topik berikut :

- Cara bersikap baik hati dalam kehidupan seharian
- Kepentingan bersikap baik hati dalam kehidupan seharian
- Kesan bersikap baik hati dalam kehidupan seharian
- Kesan tidak bersikap baik hati dalam kehidupan seharian
- Perasaan apabila bersikap baik hati